

Hitusan Sarawak

| | | | |
|------------|--------------|---------|----------|
| TARIKH | 7 / 9 / 2012 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 1-29 | RUANGAN | Ekonomi |

Colgate sumbang 37,000 kit penjagaan gigi

KUALA LUMPUR, Khamis - Colgate-Palmolive Marketing Sdn Bhd (Colgate), jenama utama dan dipercayai dalam penjagaan gigi, akan membekal sejumlah 37,000 set kit penjagaan mulut kepada jemaah Tabung Haji tahun ini.

Kit itu mengandungi dua unit ubat gigi Colgate (Pelindungan Kaviti Maksimum Colgate 75g dan Colgate Kayu Sugi 75g), berus gigi Colgate Extra Clean dan dua botol pencuci mulut Col-

gate Plax 20ml.

"Kit perjalanan Colgate itu dimuatkan dalam beg yang mudah dibawa untuk memudahkan jemaah haji," kata Nor Aziah Mohamad Said, Pengurus Kanan Pemasaran dalam satu kenyataan.

"Ini menyediakan penyelesaian praktikal dalam menjaga kesihatan peribadi mereka," katanya.

Colgate menyertai Program Rakan Korporat Tabung Haji sejak 2008. - Bernama